

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Thursday, April 20, 2017 11:19 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Wan Norashikin binti Wan Kamil Osman; Mumtaj Bt Hassan
Subject: MENIMBA ILMU PENGURUSAN HARTA PUSAKA, WASIAT DAN HIBAH ANJURAN PUSAT BANTUAN GUAMAN, UUM COLGIS DENGAN KERJASAMA PUSAT ISLAM, UUM



PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

20 APRIL 2017 / 23 REJAB 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Pada 13 April 2017, satu program wacana undang-undang bertajuk: “Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Hibah” telah diadakan bertempat di Bilik Seminar, Pusat Islam, UUM. Wacana tersebut merupakan siri ke-empat daripada Siri Wacana Undang-Undang oleh Pusat Bantuan Guaman (PBG), UUM COLGIS telah disampaikan oleh Ustazah Faridah Haji Ahmad, pegawai penyidik dari Jabatan Mufti Negeri Kedah. Kali ini, wacana tersebut telah dianjurkan oleh PBG UUM, COLGIS dengan kerjasama Pusat Islam, UUM.

Program wacana ini telah dirasmikan oleh Dr. Solahuddin Abdul Hamid wakil kepada Pengarah Pusat Islam, UUM dengan kehadiran Dr. Zuryati Mohd Yusoff, Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Undang-undang, UUM dan Puan Mumtaj Hassan, Pengarah Pusat Bantuan Guaman, UUM COLGIS. Majlis kemudian telah diserahkan kepada moderator wacana, Dr. Fauziah Mohd Nor, dari Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS. Wacana oleh Ustazah Faridah, telah mendapat penyertaan aktif dan memberangsangkan daripada kalangan peserta yang bertanyakan pelbagai soalan mengenai aspek harta pusaka, wasiat dan hibah. Penyampaian ceramah yang santai oleh penceramah, disertakan dengan penglibatan aktif para peserta telah menjadikan wacana kali ini amat informatif dan bermanfaat kepada semua.

Seramai lebih kurang 240 peserta wacana yang rata-rata terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran, pesara UUM, serta pelajar daripada pelbagai bidang telah menyertai wacana ini. Mereka telah menerima manfaat mengenai cara membuat tuntutan ke atas harta pusaka, pengurusan wasiat dan hibah. Tambahan lagi, perkiraan pembahagian harta faraid telah ditunjukkan secara “hands-on” dan praktikal oleh Ustazah Faridah berdasarkan kepada persoalan daripada kalangan peserta. Selain itu, mereka juga didedahkan mengenai pengurusan harta yang masih lagi di atas nama pemilik yang telah meninggal dunia, dan pelbagai kajian kes berdasarkan pengalaman penceramah. Dengan penganjuran wacana ini, akhirnya hubungan silaturrahim dapat terjalin di antara pihak Pusat Bantuan Guaman, UUM COLGIS dan Pusat Islam, UUM dengan Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

Dengan ini, pihak PBG UUM dan Pusat Islam UUM sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada Ustazah Faridah Haji Ahmad, Dr. Fauziah Mohd Nor, Dr. Solahuddin Abdul Hamid, Dr. Zuryati Mohd Yusoff dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk menjayakan Wacana: “Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Hibah”.

Sekian.

Pejabat Dekan (Dean Office)
Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)
UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.